

**BEBAS NILAI DALAM PENYELIDIKAN  
SAINTIFIK: KAJIAN DARI PERSPEKTIF  
PERKAEDAHAN PENYELIDIKAN  
BERTERASKAN ISLAM**

oleh

**MOHD SYAHMIR BIN ALIAS**

Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan  
Ijazah Doktor Falsafah

**Ogos 2016**

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW, *ahl al-bayt* dan para sahabat Baginda r.a. Syukur ke hadrat Allah SWT yang telah memberi hidayah dan taufik-Nya kepada penyelidik untuk menjalankan kerja-kerja penyelidikan dan penulisan tesis ini. Semoga Allah SWT melihat usaha penyelidikan ini sebagai suatu ibadah dan bakal memberikan manfaat kepada masyarakat. Dengan izin dan limpah kurnia-Nya juga, terakam sumbangan insan-insan yang berada di sebalik penghasilan tesis ini.

Sehubungan itu, penyelidik ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih dan penghargaan di atas bantuan yang diberikan secara langsung mahupun tidak langsung terhadap lima pihak berikut. Pertama, kepada Dr. Mohd Shukri Hanapi selaku penyelia utama dan Dr. Shahir Akram Hassan selaku penyelia bersama yang sentiasa memberikan tunjuk ajar, nasihat, dorongan, dan cadangan-cadangan bernas sejak dari permulaan kajian ini dilakukan sehinggalah ia dapat diselesaikan. Sesungguhnya Allah SWT sahajalah sebaik-baik pemberi ganjaran buat kedua-dua penyelia penyelidik ini.

Kedua, kepada semua pensyarah di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM) iaitu Prof. Dr. Muhammad Syukri Salleh, Prof. Madya Dr. Zakaria Bahari, Dr. Fadzila Azni Ahmad, Dr. Mohd Syakir

Mohd Rosdi, Dr. Wan Norhaniza Wan Hasan, dan Dr. Azrin Ibrahim yang menjadi tempat rujukan penyelidik. Kemesraan dan cadangan-cadangan bernas mereka sangat memberi manfaat untuk percambahan idea dalam kajian ini.

Ketiga, kepada para pensyarah dan penulis dalam bidang berkaitan tesis ini yang membantu dari sudut percambahan idea dan perkongsian bahan-bahan rujukan mengenai subjek bebas nilai, falsafah Islam dan falsafah sains. Penyelidik membahagikan kepada dua kelompok. Kelompok pertama, yang ditemui secara bersemuka seperti Prof. Madya Dr. Mahayudin Yahaya (Universiti Islam Sultan Sharif Ali [UNISSA], Negara Brunei Darussalam), Prof. Madya Dr. Mat Rofa Ismail (Universiti Putra Malaysia [UPM]), Dr. Sharifah Kartini Said Hussin (UPM), Prof. Dr. Zailan Moris (USM), Dr. Rabiatul-Adawiah Ahmad Rashid (USM), dan Dr. Ong Beng Kok (USM). Kelompok kedua, yang dihubungi secara dalam talian (*online*) seperti Prof. Madya Dr. Rahimin Affandi Abdul Rahim (Universiti Malaya [UM]), Dr. Mohammad Alinor Abdul Kadir (Universiti Kebangsaan Malaysia [UKM]), Dr. Heather Douglas (University of Waterloo, Canada), Dr. William Rottshaefer (Lewis and Clark College, Amerika Syarikat), dan Dr. José Luis Luján López (University of the Balearic Islands, Sepanyol). Input daripada mereka sangat bermakna bagi mengukuhkan penghujahan tesis ini.

Keempat, kepada rakan sepenyelia, Dr. Wan Khairul Aiman Wan Mokhtar, rakan-rakan penyelidik dalam bidang Kaedah Penyelidikan Islam seperti Dr. Nor Hanani Ismail, Dr. Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin, Ustaz Abdul Hanis Embong, Ustazah Nur Sakiinah Ab Aziz, Puan Nur Ilani Mat Nawawi, dan seluruh rakan-rakan di setiap peringkat pengajian penyelidik yang membantu secara

langsung atau tidak langsung, mendoakan, mengambil berat, dan memberikan kata-kata semangat sepanjang proses kajian ini.

Kelima, penghargaan teristimewa kepada bonda penyelidik yang dicintai, Hajah Khomisah Hashim, ayahanda Haji Alias Hassan dan kakanda-kakanda atas doa restu yang pastinya tidak putus-putus, serta dorongan dan sokongan yang tidak berbelah bahagi. Semoga Allah SWT merahmati ahli keluarga penyelidik yang dikasihi ini. Begitu juga, penyelidik ingin merakamkan penghargaan kepada insan yang banyak memberi motivasi kepada penyelidik sebelum pemergiannya iaitu Allahyarham Haji Abdul Aziz Tahar. Semoga Allah SWT mencucuri rahmat-Nya kepada roh beliau.

Sebagai akhir kalam, penyelidik ingin memetik satu ayat al-Qur'an yang memberi inspirasi kepada diri penyelidik. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Berlumba-lumbalah kamu (mengerjakan amal-amal kebaikan) untuk mendapatkan keampunan daripada Tuhan kamu dan syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan bagi orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-rasul-Nya. Demikian itu ialah limpah kurnia Allah, diberikan-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah sememangnya mempunyai limpah kurnia yang agung.”  
(al-Ĥadīd, 57:21)

Mohd Syahmir Alias  
Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)  
Universiti Sains Malaysia  
Pulau Pinang

16 Ogos 2016

## ISI KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>ISI KANDUNGAN</b>	v
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv
<b>PANDUAN TRANSLITERASI</b>	xv
<b>GLOSARI</b>	xvi
<b>ABSTRAK</b>	xviii
<b>ABSTRACT</b>	xx

### **BAB 1: PENGENALAN**

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.2.1	Perkembangan Penyelidikan di Barat	4
1.2.2	Pembentukan Pelbagai Paradigma Penyelidikan Sainifik	8
1.2.3	Perbincangan Konsep Bebas Nilai dalam Penyelidikan Sainifik	16
1.2.4	Perkaitan Konsep Nilai dalam Penyelidikan dengan Aksiologi	18
1.3	Pernyataan Masalah Kajian	21
1.4	Objektif Kajian	25
1.5	Persoalan Kajian	25
1.6	Definisi Operasional Kajian	28
1.6.1	Nilai	28
1.6.2	Bebas Nilai	30
1.6.3	Penyelidikan Sainifik	32
1.6.4	Perkaedahan Penyelidikan Berteraskan Islam	34
1.6.5	Aksiologi Islam	38
1.7	Skop dan Batasan Kajian	40
1.8	Kepentingan Kajian	42
1.9	Sumbangan Kajian	43
1.10	Organisasi Tesis	44

1.11	Kesimpulan	46
------	------------	----

## **BAB 2: SOROTAN KAJIAN DAN KARYA**

2.1	Pendahuluan	48
2.2	Sorotan Aksiologi Barat dan Peranannya dalam Penyelidikan	49
2.2.1	Konsep Aksiologi dari Perspektif Barat	50
2.2.2	Peranan Aksiologi dalam Penyelidikan Masa Kini	53
2.2.3	Perbahasan Etika Penyelidikan	55
2.3	Sorotan Konsep Bebas Nilai dalam Penyelidikan Sainifik	59
2.3.1	Konsep Bebas Nilai dari Perspektif Max Weber	60
2.3.2	Konsep Bebas Nilai dari Perspektif Tokoh-tokoh Positivisme	66
2.4	Sorotan Kritikan Konsep Bebas Nilai dalam Penyelidikan Sainifik	68
2.4.1	Kritikan Menolak Konsep Bebas Nilai	69
2.4.2	Kritikan Menambah Baik Konsep Bebas Nilai	75
2.5	Sorotan Cabaran Objektiviti dalam Penyelidikan Sainifik	79
2.6	Sorotan Pembinaan Perkaedahan Penyelidikan Berteraskan Islam	86
2.6.1	Pembinaan pada Peringkat Konseptual	88
2.6.2	Pembinaan pada Peringkat Operasional	94
2.7	Sorotan Aksiologi Islam	99
2.8	Analisis Sorotan Kajian dan Karya	103
2.9	Kerangka Konseptual Kajian	106
2.10	Kesimpulan	108

## **BAB 3: KAEDAH PENYELIDIKAN**

3.1	Pendahuluan	109
3.2	Reka Bentuk Kajian	109
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	114
3.3.1	Sumber Data Utama	116
3.3.2	Sumber Data Pertama	116
3.3.3	Sumber Data Kedua	117
3.3.4	Sumber Data Ketiga	117
3.3.5	Sumber Data Keempat	118
3.3.6	Sumber Data Kelima	119
3.4	Kebolehpercayaan dan Kesahan Data	119

3.5	Kaedah Penganalisan Data	120
3.5.1	Justifikasi Pemilihan Kaedah Analisis Kandungan Kualitatif	121
3.5.2	Langkah-langkah Analisis Kandungan	122
3.6	Kesimpulan	128

#### **BAB 4: KONSEP BEBAS NILAI DALAM PENYELIDIKAN SAINTIFIK DAN KRITIKANNYA DARI PERSPEKTIF SARJANA BARAT**

4.1	Pendahuluan	129
4.2	Konteks Perbahasan Konsep Bebas Nilai Menurut Tokoh-tokoh Falsafah Barat	130
4.2.1	Francis Bacon dan Penstrukturan Awal Sains Moden	131
4.2.2	Renè Descartes, David Hume dan Immanuel Kant dalam Rantaian Perbahasan Dualisme	135
4.2.3	Max Weber dan Pengidentitian Penyelidikan Sains Sosial	143
4.2.4	Tokoh-tokoh Positivisme Logik dan Pembaharuan Konsepsi Sains	148
4.3	Elemen-elemen Utama Perbahasan Konsep Bebas Nilai dalam Penyelidikan Saintifik	155
4.3.1	Kandungan Perkaedahan Sains	156
	4.3.1(a) Prinsip Aruhan	157
	4.3.1(b) Prinsip Sebab dan Akibat	158
	4.3.1(c) Prinsip Pentahkikan dan Logik Penjelasan	160
	4.3.1(d) Perbezaan Sains Tabii dengan Sains Sosial	162
4.3.2	Skeptisisme	164
4.3.3	Permasalahan Metafizik	168
4.3.4	Dualisme Fakta dan Pertimbangan Nilai	171
4.4	Elemen-elemen Penting dalam Kritikan Konsep Bebas Nilai	175
4.4.1	Kenisbian Epistemik Sains	176
	4.4.1(a) Kenisbian Kandungan Perkaedahan Sains	177
	4.4.1(b) Kenisbian Konteks Sejarah Sains	181
4.4.2	Penginstitutional Sains dan Tanggungjawab Moral Ahli Sains	184
4.5	Kesimpulan	189

## **BAB 5: AKSIOLOGI ILMU ISLAM SEBAGAI KONSEP AKSIOLOGI PERKAEDAHAN PENYELIDIKAN BERTERASKAN ISLAM**

5.1	Pendahuluan	190
5.2	Justifikasi Pemilihan Aksiologi Ilmu Islam	190
5.3	Ciri-ciri Aksiologi Ilmu Berdasarkan Al-Qur'an dan Hadith	191
5.3.1	Nilai Hierarki Ilmu	192
5.3.2	Kualiti Ilmuwan Sejati dan Bukan Ilmuwan	203
5.3.3	Kualiti Ilmu yang Bermanfaat dan Ilmu yang Mudarat	209
5.3.4	Kualiti Ilmu yang Benar dan Ilmu yang Batil	217
5.3.5	Nilai Darjah-darjah Keyakinan Ilmu	222
	5.3.5(a) Darjah Kepositifan Keyakinan Ilmu	222
	5.3.5(b) Darjah Kenegatifan Keyakinan Ilmu	228
5.3.6	Nilai Matlamat Ilmu dalam Kerangka Teleologi Islam	234
5.4	Konsep Aksiologi Perkaedahan Penyelidikan Berteraskan Islam	239
5.5	Kesimpulan	244

## **BAB 6: ANALISIS WACANA KONSEP BEBAS NILAI DARI PERSPEKTIF KONSEP AKSIOLOGI PERKAEDAHAN PENYELIDIKAN BERTERASKAN ISLAM**

6.1	Pendahuluan	245
6.2	Pola Penyelidikan Berasaskan Nilai Islam	246
6.2.1	Tafsiran dari Aspek Epistemo-Aksiologikal Penyelidikan	248
	6.2.1(a) Pengukuhan Tabii Penyelidikan melalui Penilaian <i>Al-Fu'ād</i>	249
	6.2.1(b) Pengesahan Darjah Keyakinan Penyelidikan melalui <i>Tabayyun</i> dan Tawakal	259
6.2.2	Tafsiran dari Aspek Onto-Aksiologikal Penyelidikan	269
	6.2.2(a) Ketelusan Cerapan dan Penjelasan Fakta melalui Nilai Keadilan dan Adab Pengkaji	270
	6.2.2(b) Kesatuan Metafizik Islam dalam Penyelidikan melalui Nilai Ketakwaan	282
6.2.3	Tafsiran dari Aspek Teleo-Aksiologikal Penyelidikan	291
	6.2.3(a) Penggapaian Matlamat Kebenaran dalam Penyelidikan melalui Nilai Kejujuran	292
	6.2.3(b) Penyerlahan Keberkatan dalam Penyelidikan melalui Nilai Keikhlasan	302

6.3	Konsep Nilai dalam Perkaedahan Penyelidikan Berteraskan Islam	307
6.3.1	Kerangka Konsep Nilai dalam Perkaedahan Penyelidikan Berteraskan Islam	307
6.3.2	Orientasi Praktis Nilai dalam Perkaedahan Penyelidikan Berteraskan Islam	310
6.4	Kesimpulan	314

## **BAB 7: PENUTUP**

7.1	Pendahuluan	315
7.2	Hasil Penemuan Utama dan Rumusan Kajian	315
7.3	Implikasi Kajian dan Cadangan Dasar	321
7.3.1	Implikasi Teoretikal	322
7.3.2	Implikasi Empirikal	323
7.3.3	Cadangan Pelaksanaan Perkaedahan Penyelidikan Berteraskan Islam	323
7.4	Saranan Kajian Masa Hadapan	324
7.4.1	Subjek Kajian	325
7.4.2	Sampel Kajian	326
7.4.3	Skop Analisis Kajian	326
7.5	Kesimpulan	327

<b>BIBLIOGRAFI</b>	328
--------------------	-----

<b>SENARAI PENERBITAN DAN PEMBENTANGAN</b>	366
--	-----

## SENARAI JADUAL

		HALAMAN
Jadual 1.1	Hubung Kait Objektif Kajian dengan Persoalan Kajian	27
Jadual 2.1	Perbezaan Pandangan Aksiologi dalam Paradigma Penyelidikan	55
Jadual 2.2	Kriteria Asas Nilai Epistemik dari Perspektif Ahli Falsafah Sains	77
Jadual 2.3	Asas-asas Permasalahan Sains Sosial Menurut Muhammad Syukri Salleh dan Asad Zaman	91
Jadual 3.1	Hubung Kait Objektif Kajian, Persoalan Kajian dan Kaedah Penyelidikan	126
Jadual 4.1	Tesis-tesis Major Falsafah Positivisme Logik	150
Jadual 4.2	Tokoh, Konteks Perbahasan dan Elemen-elemen Konsep Bebas Nilai	155
Jadual 4.3	Perbezaan antara Sains Tabii dengan Sains Sosial	163
Jadual 4.4	Perbezaan Pandangan Kuhn dan Popper terhadap Sains	181
Jadual 5.1	Perbezaan Kualiti Ilmuwan Sejati dengan Bukan Ilmuwan dalam Aksiologi Ilmu Islam	209
Jadual 5.2	Perbezaan antara Ciri-ciri Umum Ilmu yang Bermanfaat dengan Ilmu yang Memudaratkan	213
Jadual 5.3	Perbezaan Ukuran Ilmu Bermanfaat-Ilmu Memudaratkan Berdasarkan Konsep Adil-Zalim	216
Jadual 5.4	Perbezaan Sifat Ilmu yang Benar dengan Ilmu yang Batil	221
Jadual 5.5	Perhubungan antara Ciri Aksiologi Ilmu Islam dengan Fokus dalam Aspek Falsafah	240

Jadual 6.1	Pembentukan Aspek Tafsiran melalui Perbandingan Elemen WKBN dengan Asas KAPPI	246
Jadual 6.2	Penisbahan <i>Tabayyun</i> dalam Penyelidikan Berdasarkan Sebab Penurunan Ayat Keenam Surah al-Hujurāt	261

## SENARAI RAJAH

		HALAMAN
Rajah 1.1	Perkembangan Pembinaan Perkaedahan Saintifik	9
Rajah 1.2	Perkaitan Konsep Nilai dalam Penyelidikan dengan Perbincangan Aksiologi	20
Rajah 2.1	Keselarian Objektiviti dalam Sains Sosial Berdasarkan Paradigma Saintifik Betz dan Pandangan Weber	85
Rajah 2.2	Hierarki Ilmu Islam dan Ciri-cirinya	101
Rajah 2.3	Kerangka Konseptual Kajian	107
Rajah 3.1	Proses Penerokaan Kajian	113
Rajah 3.2	Langkah Analisis Kandungan Kajian	125
Rajah 4.1	Konsep Bebas Nilai Menurut Francis Bacon	134
Rajah 4.2	Konsep Bebas Nilai Menurut Descartes, Hume dan Kant	142
Rajah 4.3	Konsep Bebas Nilai Menurut Max Weber	147
Rajah 4.4	Konsep Bebas Nilai Menurut Tokoh-tokoh Positivisme Logik	154
Rajah 4.5	Elemen-elemen Utama Konsep Bebas Nilai	174
Rajah 4.6	Elemen-elemen Penting Kritikan Konsep Bebas Nilai	188
Rajah 5.1	Ciri-ciri Aksiologi Ilmu Berdasarkan Al-Qur'an dan Hadith	192
Rajah 5.2	Sumber dan Hierarki Ilmu dalam Aksiologi Ilmu Islam	203
Rajah 5.3	Darjah Keyakinan Ilmu dalam Aksiologi Ilmu Islam	233

Rajah 5.4	Matlamat Pencarian Ilmu dalam Aksiologi Ilmu Islam	238
Rajah 5.5	Konsep Aksiologi Perkaedahan Penyelidikan Berteraskan Islam	243
Rajah 6.1	Tabii Penyelidikan dalam Perkaedahan Penyelidikan Berteraskan Islam	258
Rajah 6.2	Pengesahan Darjah Keyakinan dalam Perkaedahan Penyelidikan Berteraskan Islam	269
Rajah 6.3	Ketelusan Cerapan dan Interpretasi dalam Perkaedahan Penyelidikan Berteraskan Islam	281
Rajah 6.4	Kesatuan Metafizik Islam dalam Perkaedahan Penyelidikan Berteraskan Islam	290
Rajah 6.5	Penggapaian Matlamat Kebenaran dalam Perkaedahan Penyelidikan Berteraskan Islam	301
Rajah 6.6	Penyerlahan Keberkatan dalam Perkaedahan Penyelidikan Berteraskan Islam	306
Rajah 6.7	Kerangka Konsep Nilai dalam Perkaedahan Penyelidikan Berteraskan Islam	308
Rajah 6.8	Orientasi Praktis Nilai dalam Perkaedahan Penyelidikan Berteraskan Islam	311

## SENARAI SINGKATAN

a.s.	<i>'Alayh al-Salām</i>
APA	<i>American Psychological Association</i>
Bil.	Bilangan
Dlm.	Dalam
ed.	Edisi
Ed.	Seorang Editor
Eds.	Dua Orang atau Ramai Editor
H	Hijrah (tahun)
hlm.	Halaman
ISDEV	Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam ( <i>Centre for Islamic Development Management Studies</i> )
Jld.	Jilid
KAPPI	Konsep Aksiologi Perkaedahan Penyelidikan Berteraskan Islam
M	Masihi (Tahun)
r.a.	<i>Raḍiy Allāh 'anh/Raḍiy Allāh 'anhum</i>
Samb.	Sambungan
SAW	<i>Ṣallā Allāh 'alayh wa Sallam</i>
SWT	<i>Subhānah wa Ta'ālā</i>
t.t.	Tanpa Tahun
Terj.	Terjemahan
Vol.	<i>Volume</i>
vs.	<i>Versus</i>
WKBN	Wacana Konsep Bebas Nilai

## PANDUAN TRANSLITERASI

### i) Konsonan

Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	-	ط	ṭ
ب	b	ظ	ẓ
ت	t	ع	‘
ث	th	غ	gh
ج	j	ف	f
ح	ḥ	ق	q
خ	kh	ك	k
د	d	ل	l
ذ	dh	م	m
ر	r	ن	n
ز	z	و	w
س	s	هـ	h
ش	sy	ء	’
ص	ṣ	ي	y
ض	ḍ	ة	ṭ

### ii) Vokal

Pendek		Panjang		Diftong	
اَ	a	آ	ā	أَيَّ	ay
اِ	i	إِيَّ	ī	أُوَّ	aw
اُ	u	أُوَّ	ū		

Sumber: Dewan Bahasa dan Pustaka (1992).

## GLOSARI

<i>A posteriori</i>	Penaakulan atau pengetahuan yang didahului oleh pemerhatian atau pengalaman berbanding deduksi
<i>A priori</i>	Penaakulan atau pengetahuan yang diperoleh daripada deduksi teoretikal berbanding pemerhatian atau pengalaman
Aruhan	Proses penaakulan perkara-perkara yang khusus kepada prinsip atau hukum yang umum
Ciri kekutuban	Sifat yang mempunyai dua kecenderungan, pandangan atau aspek yang bercanggahan
Ciri martabat	Sifat yang mengatur atau mengkelaskan sesuatu perkara menurut kepentingannya secara bertingkat
Deduksi	Proses penaakulan perkara-perkara yang khusus berdasarkan prinsip atau hukum yang umum
Eksplanandum ( <i>explanandum</i> )	Suatu ayat yang menggambarkan sesuatu fakta, fenomena atau ungkapan yang perlu dijelaskan
Eksplanans ( <i>explanans</i> )	Suatu penjelasan yang diberikan tentang sesuatu fakta, fenomena atau ungkapan
Epistemo-aksiologi	Perbincangan tentang teori nilai dalam aspek sumber dan pemerolehan pengetahuan sesuatu fenomena
Epistemologi	Teori mengenai sifat ilmu, justifikasi, dan batasan ilmu yang diperoleh, tafsiran bentuk ilmu, cara, dan had memperoleh ilmu
Eskatologi	Teori mengenai peristiwa-peristiwa kehancuran alam dan pengakhiran kemanusiaan
<i>Historicism</i>	Teori atau kecenderungan yang mengaitkan aspek fenomena masyarakat dan budaya ditentukan oleh asas sejarah
Humanisme	Falsafah yang mempercayai bahawa manusia secara dasarnya adalah baik dan setiap permasalahan boleh diselesaikan dengan akal tanpa memerlukan agama
Interpretivisme	Aliran falsafah yang berpandangan bahawa tindakan pelaku sosial mempunyai makna, memahami secara empati perasaan pelaku sosial dan alasan-alasan di sebalik kelakuan mereka

Kaedah silogisme	Suatu kaedah penaakulan yang menyimpulkan kesimpulan daripada dua atau proposisi yang pada setiap satunya mempunyai terma yang sama dengan kesimpulan
Kenisbian	Ketiadaan sebarang piawaian yang mutlak dan sejagat
Ketidak-setimpalan	Ketidakmampuan untuk mengukur dan membandingkan dua atau lebih perkara atau paradigma; dua atau lebih kuantiti yang tidak mempunyai ukuran seponya
Nihilisme	Falsafah yang penuh terhadap semua kepercayaan dan prinsip-prinsip nilai moral
Onto-aksiologikal	Perbincangan tentang teori nilai dalam aspek hakikat atau kewujudan sesuatu fenomena
Ontologi	Teori mengenai kewujudan dan ruang lingkup pengetahuan sama ada terbatas pada alam fizikal atau meliputi alam metafizik
Pasca-positivisme	Aliran falsafah yang berpandangan bahawa pencerapan fakta tidak dapat dipisahkan daripada sebarang teori serta menekankan prinsip pemalsuan hipotesis berbanding pentahkikan
Pentaabiran	Kesimpulan yang dicapai berasaskan bukti atau penaakulan
Pentahkikan	Proses menentukan kebenaran, ketepatan atau kesahan sesuatu perkara
Perkaitan nilai ( <i>value relevance</i> )	Pemilihan sesuatu topik kajian yang ditentukan oleh nilai atau minat pengkaji pada awal proses kajian
Positivisme	Aliran falsafah yang berpandangan bahawa pengetahuan yang objektif boleh diperolehi melalui pemerhatian dan pentahkikan serta bersifat mutlak
Proposisi	Pernyataan atau dakwaan yang mengungkapkan suatu penilaian atau pandangan
Realisme saintifik	Aliran falsafah yang menekankan bahawa setiap bentuk kewujudan mempunyai lokasinya, cara-cara ia berfungsi dan bertindak serta mementingkan penerokaan mekanisme penyebab
Sofisme ( <i>sophism</i> )	Aliran pemikiran yang menggunakan penghujahan retorik yang salah untuk tujuan penipuan
Teleo-aksiologikal	Perbincangan tentang teori nilai dalam aspek matlamat sesuatu fenomena
Teleologi	Teori mengenai matlamat atau tujuan perencanaan sesuatu fenomena; teori mengenai kesudahan alam

# BEBAS NILAI DALAM PENYELIDIKAN SAINTIFIK: KAJIAN DARI PERSPEKTIF PERKAEDAHAN PENYELIDIKAN BERTERASKAN ISLAM

## ABSTRAK

Dalam menjalankan penyelidikan, seseorang pengkaji perlu mengambil kira suatu pandangan bagi memandu orientasi dasar penyelidikannya. Pandangan ini dikenali sebagai tasawur penyelidikan yang merangkumi aspek epistemologi, ontologi, dan aksiologi. Tasawur penyelidikan yang wujud seperti positivisme, interpretivisme, dan realisme berasal daripada wacana pemikiran dan pengalaman sarjana Barat. Ia berbeza dengan tasawur Islam yang berasal daripada wahyu. Malah, penyelidikan saintifik yang didominasi tasawur positivisme dikatakan mencapai objektiviti dengan menerapkan konsep bebas nilai. Namun, konsep tersebut turut menerima kritikan oleh para sarjana Barat. Mengapakah konsep ini dikritik? Bagaimanakah kajian secara bebas nilai sesuai dengan tasawur Islam sedangkan seseorang pengkaji Muslim tidak dapat mengelakkan diri daripada sebarang nilai? Berdasarkan permasalahan ini, suatu kajian untuk membina perkaedahan penyelidikan berteraskan Islam yang berasaskan aksiologi Islam perlu dilakukan. Daripada ketiga-tiga aspek dalam tasawur penyelidikan, aksiologi yang membincangkan konsep nilai merupakan aspek penting yang membezakan suatu tasawur dengan tasawur yang lain. Oleh itu, kajian ini mempunyai tiga objektif. Pertama, mengenal pasti konsep bebas nilai dalam penyelidikan saintifik. Kedua, menganalisis konsep bebas nilai dalam penyelidikan saintifik dari perspektif perkaedahan penyelidikan berteraskan Islam. Ketiga, merumuskan konsep nilai dalam perkaedahan penyelidikan berteraskan Islam. Sehubungan itu, kajian berbentuk kualitatif dijalankan menggunakan reka bentuk penerokaan yang

mengumpulkan data sekunder melalui kajian dokumen. Dengan mengelompokkan data kepada enam sumber, ia dianalisis berdasarkan kaedah analisis kandungan kualitatif dengan tiga peringkat. Analisis peringkat pertama dapat mengenal pasti konsep bebas nilai yang diasaskan oleh ahli-ahli falsafah sains Barat iaitu Francis Bacon, René Descartes, David Hume, Immanuel Kant, Max Weber, dan tokoh-tokoh positivisme logik. Melalui perdebatan mereka, dapat diekstrak empat elemen yang menunjangi konsep bebas nilai dalam penyelidikan saintifik. Elemen-elemen tersebut adalah kandungan perkaedahan sains, sikap skeptisisme, permasalahan metafizik, dan dualisme fakta-nilai. Konsep ini dikritik pula oleh para sarjana Barat yang dirangkumkan dengan empat elemen penting iaitu kenisbian kandungan perkaedahan sains, kenisbian konteks sejarah sains, penginstitutionan sains, dan tanggungjawab moral pengkaji. Dalam analisis peringkat kedua pula, didapati intipati ciri-ciri aksiologi ilmu Islam sesuai dijadikan asas kepada konsep aksiologi perkaedahan penyelidikan berteraskan Islam. Terdapat lapan asas yang ditemui iaitu penilaian *al-fu'ād* (hati), *tabayyun* (ketelitian), tawakal, kejujuran, adab, ketakwaan, keadilan, dan keikhlasan. Seterusnya, pada analisis peringkat ketiga, kelapan-lapan asas ini digunakan untuk menganalisis lapan elemen wacana konsep bebas nilai. Kajian ini menghasilkan tiga tafsiran iaitu dari aspek epistemo-aksiologikal, onto-aksiologikal, dan teleo-aksiologikal. Tafsiran ini mewujudkan enam pola penyelidikan berasaskan nilai Islam. Secara keseluruhannya, konsep nilai dalam perkaedahan penyelidikan berteraskan Islam yang dirumus berasaskan satu kerangka konseptual dan juga satu orientasi praktikal.

# VALUE-FREE IN SCIENTIFIC RESEARCH: A STUDY FROM THE PERSPECTIVE OF ISLAMIC RESEARCH METHODOLOGY

## ABSTRACT

When carrying out research, a researcher has to adopt a view that leads towards the fundamental orientations of the research. This view is known as the research paradigm (*taşawwur*) encompassing the epistemological, ontological, and axiological aspects. Existing research paradigm such as positivism, interpretivism, and realism originally evolved from the discourse among Western scholars and their own experiences. Thus, this differs from the Islamic *taşawwur* which is sourced from divine revelation. Moreover, the positivism paradigm that dominates scientific research adopts a value-free approach to reach objectivity. Yet, some Western scholars have criticised this approach. Why has this approach been criticized? How could value-free research be compatible with Islamic *taşawwur* when a Muslim researcher is not exempted from value judgment? Based on these problems, a study was carried out to build an Islamic research methodology framework based on Islamic values. Among the three aspects of a research paradigm, axiology, which discusses the theory of value, is an important differentiating feature. Thus, this study has three objectives. First, to identify the value-free concept in scientific research. Second, to analyse the value-free concept from an Islamic research methodology perspective. Third, to develop a concept pertaining to value to be adopted in Islamic research methodology. This qualitative research had adopted an exploratory design that collects secondary data through documents study. By classifying the data obtained to six sources of data, the data were then analysed using a three-stage qualitative content analysis method. The first stage of analysis showed Western

philosophers of science such as Francis Bacon, René Descartes, David Hume, Immanuel Kant, Max Weber and logical positivists had founded the value-free concept. Through their philosophical debates, four elements were identified which forms the basis of the value-free concept. They were the contents of scientific methodology, scepticism, the problem of metaphysics, and fact-value dualism. This concept have been criticised by the other Western scholars based on four important elements too. They were the relativity of scientific methodological contents, the relativity of scientific historical context, institutionalisation of science, and researchers' moral responsibilities. The second stage of analysis found that the essence of axiology in Islamic knowledge is suitable to be used as the fundamental feature to the axiological concept found in Islamic research methodology. They were the judgment of spiritual heart (*al-fu'ād*), certainty (*tabayyun*), sole reliance on Allah SWT (*tawakkul*), truthfulness (*ṣidq*), Islamic mannerisms (*adab*), piety towards Allah SWT (*taqwā*), justice (*'adl*), and sincerity (*ikhhlās*). Meanwhile, these eight fundamental features were then used in the third stage of analysis to analyse the eight elements identified from the discourses of the value-free concept. This research produces three aspects of interpretation, namely the epistemo-axiological, onto-axiological, and teleo-axiological. These three aspects of interpretation generated six patterns of research based on Islamic values. Overall, the value concept related to Islamic research methodology was developed based on a conceptual framework as well as its practical orientation.

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 PENDAHULUAN

Dalam melaksanakan sesuatu penyelidikan, seseorang pengkaji perlu mempunyai pandangan yang memandu orientasi dasar penyelidikannya. Pandangan ini dikenali sebagai paradigma atau tasawur penyelidikan yang merangkumi persoalan-persoalan asas seperti epistemologi, ontologi dan aksiologi. Secara umumnya, kajian ini berhasrat meneroka aspek nilai dalam pembinaan perkaedahan penyelidikan berteraskan Islam<sup>1</sup>. Secara lebih spesifik, kajian ini bertujuan menganalisis konsep bebas nilai (*value-free*)<sup>2</sup> dalam penyelidikan saintifik dari perspektif aksiologi Islam bagi merumuskan suatu perincian konsep nilai yang komprehensif dalam perkaedahan penyelidikan tersebut. Pengkhususan terhadap aksiologi dilakukan kerana aksiologi merupakan asas penting yang membezakan satu paradigma penyelidikan dengan paradigma penyelidikan yang lain, manakala konsep bebas nilai pula ditumpukan kerana perkaitan rapatnya dengan isu aksiologi dalam penyelidikan saintifik yang dominan pada masa kini. Bagi menjelaskan lagi arah tuju kajian ini, bab ini menumpukan sembilan perbincangan utama. Pertama, latar belakang kajian. Kedua, permasalahan kajian. Ketiga, objektif kajian. Keempat, persoalan kajian.

---

<sup>1</sup> Perkaedahan penyelidikan berteraskan Islam (*Islamic research methodology*) dalam tesis ini merujuk kepada perkaedahan penyelidikan yang diterapkan untuk mengkaji tentang Islam dan orang Islam, berasaskan tasawur Islam, bertunjangan epistemologi Islam, berpandukan pemahaman dan pengamalan aksiologi Islam, dan mengambil kira tradisi penyelidikan Islam silam dan kontemporari yang relevan. Untuk perincian takrifan ini, rujuk subtopik 1.6.4.

<sup>2</sup> Secara ringkasnya, konsep bebas nilai atau *value-free* ialah suatu pendekatan yang ideal dalam menjalankan kajian dengan objektif yang memerlukan seseorang pengkaji mengecualikan sebarang pertimbangan nilai (*value judgment*) (Weber, 1976:10-11). Untuk takrifan lebih terperinci, rujuk subtopik 1.6.2.

Kelima, definisi operasional kajian. Keenam, skop dan batasan kajian. Ketujuh, kepentingan kajian. Kelapan, sumbangan kajian. Kesembilan, pengorganisasian tesis.

## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Dari skala makro, aksiologi<sup>3</sup> merupakan cabang ilmu falsafah yang bertujuan meneliti nilai integrasi ilmu dalam pencapaian sesuatu tamadun (Yahaya Jusoh & Azhar Muhammad, 2012:137; Wan Mohd. Nor Wan Daud, 1991:55). Pencapaian sesuatu tamadun dalam sejarah peradaban manusia pula diukur berdasarkan falsafah atau tasawur<sup>4</sup> atau pandangan alam yang mempengaruhi cara hidup masyarakatnya (Ziauddin Sardar, 1992:16). Tasawur juga membentuk budaya keintelektualan, pemikiran dan sistem nilai dalam sesuatu masyarakat (Mat Rofa Ismail, 2006:2). Justeru, tasawur yang menjadi acuan sesuatu tamadun mencorakkan matlamatnya yang tersendiri, termasuklah matlamat dalam pelaksanaan penyelidikan (Seyyed Hossein Nasr, 1978:2).

Menurut Sulaiman Noordin (1992:25) dan Muhammad Syukri Salleh (2008:145), acuan penyelidikan saintifik pada masa kini sebenarnya dibentuk berdasarkan pencapaian tamadun Barat moden. Sejarawan Barat mempercayai bahawa selepas

---

<sup>3</sup> Istilah aksiologi berasal daripada bahasa Yunani iaitu "*axios*" yang bererti nilai, etika atau tamadun, dan "*logos*" yang bererti teori (Runes, 1976; Hart, 1971:29). Oleh yang demikian, secara literalnya, aksiologi bererti teori berkenaan nilai (Abdul Rahman Abdullah, 2010:106).

<sup>4</sup> Tasawur berasal daripada istilah bahasa Arab iaitu *taṣawwur*. Dari sudut terminologi, tasawur bermaksud penjelasan yang komprehensif dan hakiki mengenai sesuatu (Ramli Awang, 1997:6). Dalam konteks kajian ini, "sesuatu" itu merujuk kepada penyelidikan berteraskan Islam. Selain itu, penyelidik juga menggunakan istilah paradigma penyelidikan yang membawa maksud yang sama dengan tasawur penyelidikan. Untuk perbincangan lanjut mengenai perkaitan tasawur dan paradigma, rujuk Mohd Shukri Hanapi (2012:37-42). Selain istilah tasawur, pandangan alam, paradigma dan falsafah (Amran Muhammad, 2009:223), istilah kosmologi juga sering digunakan untuk menggambarkan pembentukan ideologi dan keintelektualan sesuatu peradaban manusia. Kosmologi ditakrifkan sebagai ilmu berkenaan penciptaan dan perjalanan alam semesta yang dibincangkan dari aspek ketuhanan atau aspek metafizik (Mat Rofa Ismail, 2006:2). Untuk keterangan lebih mendalam mengenai pengenalan kosmologi Islam, rujuk Seyyed Hossein Nasr (1978).

Zaman Besi yang bermula sekitar tahun 1000 SM, tamadun Yunani merupakan tamadun pertama yang muncul di Eropah sekitar tahun 700-200 SM (Hunt & Colander, 1996:76). Justeru, Yunani menjadi titik utama permulaan sejarah ketamadunan di Barat. Dalam tamadun Yunani, bidang ilmu pengetahuan yang diberi perhatian ialah ilmu falsafah. Ilmu ini mula dikembangkan di kota Miletus, Yunani Timur melalui peranan ahli falsafah bernama Thales (Russell, 1946:21).

Sungguhpun begitu, kemuncak perkembangannya berlaku apabila Aristotle (384-322 SM) memperkenalkan kaedah khusus pengkajian falsafah iaitu kaedah silogisme. Kaedah ini secara dasarnya berjaya mendominasi kaedah penyelidikan dalam kalangan masyarakat Yunani untuk satu tempoh masa, malah ia turut menjadi teras pemikiran masyarakat Barat secara umumnya (Abdul Rahman Abdullah, 2010:62). Walau bagaimanapun, setelah kaedah ini tersebar selama berabad lamanya, muncul pula golongan ahli sains Barat yang mempersoal kewibawaan kaedah penyelidikan Aristotle yang telah diasimilasikan ke dalam teologi agama Kristian (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1978:9).

Golongan cendekiawan yang berbeza pandangan dengan doktrin gereja ini membuka ruang kepada pemisahan proses penyelidikan pengetahuan daripada doktrin agama Kristian (Sulaiman Noordin, 1979:38; M. Saif Islam, 2007:102). Gerakan sekularisasi ini selanjutnya menghasilkan suatu perkaedahan penyelidikan yang berasaskan pemerhatian dan pengujian empirikal yang dikenali sebagai perkaedahan saintifik. Namun, disebabkan berlakunya percanggahan pendapat mengenai takrifan dan penggunaannya khususnya dalam bidang-bidang lain, perbezaan pandangan ini

sekali gus mencetuskan kepelbagaian paradigma<sup>5</sup> dalam penyelidikan (Kuhn, 1996:xi).

Bagi mengukuhkan lagi perkaedahan saintifik, suatu konsep yang dikenali sebagai konsep bebas nilai diperkenalkan dan menjadi perdebatan dalam kalangan sarjana Barat (Hughes, 1990:93). Perbahasan yang berlaku berkenaan sistem nilai dalam penyelidikan sebenarnya menjadi elemen utama dalam perbincangan aksiologi (Idzam Fautanu, 2012:227). Oleh yang demikian, kesinambungan daripada penjelasan ringkas ini diperincikan lagi dalam subtopik 1.2.1, 1.2.2, 1.2.3 dan 1.2.4 sebagai latar belakang kajian ini.

### **1.2.1 Perkembangan Penyelidikan di Barat**

Kebangkitan ilmu pengetahuan tamadun Yunani yang bermula sejak abad ke-5 SM ini menjadi salah satu faktor kepada kebangkitan tamadun Barat moden pada hari ini (Abdul Rahman Abdullah, 2010:32). Melalui catatan sejarah, perbahasan mengenai cara memperolehi ilmu pengetahuan di Barat bermula dengan pertembungan pendapat dalam kalangan ahli falsafah Yunani (Thomas, 1988:8). Sekurang-kurangnya terdapat enam aliran falsafah pada masa tersebut. Pertama, aliran

---

<sup>5</sup> Istilah paradigma ini mula dipopularkan oleh Thomas Kuhn (1922-1996) melalui bukunya *The Structure of Scientific Revolutions*. Ia merupakan keseluruhan sistem dalam berfikir (Neuman, 2011:94). Dalam konteks penyelidikan, menurut Babbie (2013:57), paradigma merupakan kerangka ataupun model pemerhatian dan penaakulan yang perlu difahami terlebih dahulu dan menjadi panduan kepada pengkaji. Paradigma, menurut Kuhn, terbentuk dengan empat tahapan utama yang tidak berpenghujung iaitu pertama, sains normal (*normal science*); kedua, keganjilan (*anomaly*) yang menyebabkan krisis; ketiga, revolusi sains; dan keempat, sains baharu (Chalmers, 1982:90). Secara asasnya, Kuhn (1996:10) berpendapat bahawa terdapat dua ciri yang penting berkaitan pemaparan sesuatu paradigma. Pertama, pencapaian terbaik yang belum pernah dicapai sebelumnya tercapai, sekali gus mengekalkan kumpulan pengkaji untuk tidak berada dalam mod persaingan aktiviti sains. Kedua, pencapaian tersebut juga membuka ruang yang seluas-luasnya bagi kumpulan pengkaji mentakrifkan semula penyelesaian pelbagai jenis permasalahan. Untuk huraian lengkap keempat-empat tahapan tersebut, rujuk Kuhn (1996).

Protagoras (*Sofisme/Sufastā'iy*)<sup>6</sup>. Kedua, aliran Elea. Ketiga, aliran Empedocles. Keempat, aliran Pythagoras. Kelima, aliran Democritus. Keenam, aliran Socrates (Shaharir Mohamad Zain, 2000:172-173).

Namun begitu, pertembungan yang paling ketara berlaku antara aliran Sofisme dengan aliran Socrates. Konflik yang berlaku antara kedua-dua ekstrem ini disebabkan oleh isu mengenai kaitan doktrinisasi (*indoctrination*) dengan penyelidikan (*enquiry*) (Furedy, 1982:15). Secara khususnya, pengikut aliran Socrates ini menolak tiga anggapan yang merupakan doktrinisasi aliran Sofisme. Pertama, penentuan nilai kebaikan atau keburukan boleh dilakukan sendiri oleh manusia. Kedua, kebenaran yang objektif tidak wujud. Ketiga, kewujudan Tuhan adalah sesuatu yang diragui kebenarannya (Shaharir Mohamad Zain, 2000:172).

Oleh sebab pandangan Sofisme pernah mendominasi tradisi pemikiran masyarakat Yunani untuk suatu jangka masa, Socrates (469-399 SM) berusaha menyebarkan pemikiran untuk menolak ketiga-tiga anggapan tersebut supaya dapat mengembalikan kaedah memperoleh ilmu pengetahuan yang bersifat objektif dan kritis (Ahmad Sunawari Long, 2008:50). Antara idea yang diketengahkan oleh Socrates untuk menolak anggapan pertama pengikut Sofisme ialah nilai kebaikan hanya dilakukan oleh manusia yang mengetahui perkara yang baik, manakala nilai kejahatan wujud apabila manusia tidak mempunyai ilmu pengetahuan (Thomas, 1988:22).

---

<sup>6</sup> Aliran falsafah Sofisme (*Sufastā'iy*) yang diasaskan oleh Protagoras (481-411 SM) merupakan aliran yang menafikan objektiviti dan mengukur kebenaran hanya melalui pancaindera (Shaharir Mohamad Zain, 2000:172). Hasil daripada pemikiran ini, semua perkara yang diterima oleh pancaindera adalah bersifat subjektif. Malah, gerakan Sofisme ini menjadi golongan ahli falsafah yang bersifat materialistik kerana menjual ilmu mereka dan memperhambakan diri kepada tarikan keduniaan (Ahmad Sunawari Long, 2008:49-50).

Pengajaran Socrates ini seterusnya dikembangkan oleh muridnya Plato (427-347 SM) dan berikutnya pula oleh Aristotle (Ahbel-Rappe, 2009:6). Sungguhpun begitu, Aristotle memainkan peranan penting dalam menyusun semula kaedah pengkajian falsafah. Wacana-wacana ahli falsafah terdahulu dikumpul dan disusun secara lebih sistematik sehinggalah kaedah silogisme atau deduksi diperkenalkan (Bobzien, 2006). Keberhasilan kaedah Aristotle ini menyebabkan penyebaran agama Kristian di Barat mengadaptasi kaedah falsafah Aristotle untuk merasionalkan hal-hal berkaitan teologinya (Scruton, 1989:14; Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1978:9). Dalam erti kata lain, adaptasi falsafah silam ini juga bertujuan mengharmonikan ajaran Kristian dalam peradaban masyarakat Eropah (Troeltsch, 1997:133).

Menurut Russell (1946:182), perkara inilah yang menyebabkan kewibawaan Aristotle tidak dipersoalkan mahupun dikritik oleh kalangan cendekiawan Barat selama hampir dua abad. Malah, tidak ada ahli falsafah yang setanding dengan beliau yang dilahirkan di benua Eropah dalam tempoh masa itu. Disebabkan ketiadaan aktiviti pengembangan pengetahuan, maka *barbarism* atau kemunduran ilmu, kekosongan budaya dan peradaban berlaku di Eropah. Keadaan ini turut dikenali sebagai Zaman Kegelapan<sup>7</sup> (Hanawalt, 1998:7) yang antara lainya berpunca daripada penguasaan pihak agamawan Kristian terhadap seluruh sistem kehidupan masyarakat Eropah ketika itu. Kehidupan beragama menjadi subjek untuk mendominasi masyarakat (Hunt & Colander, 1996:85 & 89).

---

<sup>7</sup> Zaman Kegelapan berlaku dalam tempoh Zaman Pertengahan Eropah iaitu sekitar tahun 500-1453 M (Hunt & Colander, 1996:82). Dalam tempoh masa ini, peranan gereja adalah sangat penting kerana para paderi berfungsi untuk mengatur kehidupan harian masyarakat Kristian daripada sekecil-kecil sehinggalah perkara sebesar-besar seperti penentuan raja. Malah, pekerjaan sebagai paderi dan seumpamanya mendapat kedudukan tertinggi ketika itu (Abdul Latif Samian & Khairul Anwar Mastor, 2003:15).

Masyarakat Barat juga hanya berpegang kepada doktrin gereja bahawa setiap fenomena alam yang termaktub dalam ajaran agamanya tidak boleh dikaji semula (Singer, 1993:151). Sikap agamawan Kristian yang autoritatif sehingga menyekat aktiviti intelektual Barat sebeginilah yang menjadi penyebab timbulnya konflik mereka dengan para ahli sains (Sulaiman Noordin, 1979:26-27; Muḥammad Bāqir aṣ-Ṣadr, 2009:151). Oleh yang demikian, muncul pula idea untuk mengasingkan ilmu sains daripada doktrin agama Kristian dalam kalangan pemikir-pemikir Barat (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1978:6). Idea ini bermula dengan pembebasan penguasaan gereja daripada institusi politik yang dipelopori oleh pemikir-pemikir Renaisans (*Renaissance*).

Golongan pemikir Renaisans juga berusaha untuk membina tamadun baru dengan berasaskan ilmu-ilmu yang asli dalam tamadun Yunani silam dan menyebarkan pemikiran tersebut ke seluruh Eropah (King, 2003:65-66). Di samping itu, kebangkitan golongan humanisme<sup>8</sup> telah merancakkan lagi perbincangan mengenai fenomena alam dan pemulihan moral masyarakat Eropah secara terbuka (Debus, 1978:2). Golongan ini juga berusaha mempertahankan konsep keadilan, hierarki ilmu, dan hakikat kehidupan manusia (Bartlett, 2013:61). Kemunculan pemikir-pemikir Renaisans dan golongan humanisme membawa kepada Revolusi Sainifik yang bermula sekitar tahun 1500 hingga 1750 untuk memperkukuhkan pembangunan ilmu sains (Okasha, 2002:2).

---

<sup>8</sup> Humanisme ialah suatu ideologi sewaktu Zaman Renaisans yang diperkenalkan oleh Francesco Petrarch melalui kaedah pendidikan dan pemikiran yang menolak kaedah Aristotle. Menurut Petrarch, kaedah ini mempunyai beberapa kelemahan seperti tidak mempunyai nilai estetika, banyak elemen tahyul dan rekaan serta merendah-rendahkan nilai kemanusiaan (Bartlett, 2013:61).

Menerusi revolusi ini, penyelidikan di Barat mementingkan penggunaan perkaedahan saintifik. Pematapan perkaedahan saintifik dipengaruhi oleh dialektik atau perdebatan kumpulan-kumpulan falsafah di Barat yang membincangkannya dari aspek epistemologi<sup>9</sup> (teori pengetahuan). Secara umumnya, menurut Abdul Rahman Abdullah (2010:92), sekurang-kurang terdapat lima aliran epistemologi yang terlibat dalam perbahasan tersebut. Pertama, aliran rasionalisme. Kedua, aliran empirisme. Ketiga, aliran positivisme. Keempat, aliran intuisiisme. Kelima, aliran skeptisisme. Aliran-aliran ini mempunyai kaitan yang rapat dengan pembentukan paradigma-paradigma penyelidikan oleh pemikir-pemikir Barat.

### **1.2.2 Pembentukan Pelbagai Paradigma Penyelidikan Saintifik**

Dari sudut pensejarahan, pembentukan perkaedahan saintifik adalah hasil evolusi daripada beberapa peristiwa penyelidikan dalam bidang sains tabii (*natural sciences*) seperti bidang fizik dan astronomi. Pembentukannya bermula sewaktu pemerintahan golongan gereja lagi iaitu melalui aktiviti cendekiawan seperti Nicolaus Copernicus (1473-1543) dan Galileo Galilei (1564-1642). Mereka mencadangkan teori astronomi yang berbeza pandangannya dengan dogma agama Kristian ketika itu<sup>10</sup> (Mat Rofa Ismail, 2006:126).


Seterusnya, proses pematangan perkaedahan ini khususnya dalam bidang astronomi diteruskan pula oleh Tycho Brahe (1546-1601), Johannes Kepler (1571-1630), René

---

<sup>9</sup> Epistemologi merupakan cabang falsafah yang membincangkan mengenai sifat ilmu, justifikasi, dan batasan ilmu yang diperoleh, tafsiran bentuk ilmu, cara, dan had memperoleh ilmu (Ahmad Sunawari Long, 2008:127).

<sup>10</sup> Menurut Hergenhahn dan Henley (2013:92), antara tiga dogma agama Kristian yang dicabar oleh cendekiawan Barat adalah pertama, terdapat hanya tujuh jasad langit dalam sistem suria; kedua, bumi merupakan pusat bagi alam semesta; dan ketiga, manusia dicipta daripada imej tuhan.

Descartes (1596-1650) dan akhir sekali oleh Isaac Newton (1643-1727) melalui pembentukan model dalam teori fizik<sup>11</sup> (Betz, 2011:22). Secara urutannya, perkembangan perkaedahan saintifik digambarkan dalam Rajah 1.1.



**Rajah 1.1: Perkembangan Pembinaan Perkaedahan Saintifik**

Nota: Diolah daripada Betz (2011)

Walau bagaimanapun, perkaedahan ini ditulis semula secara lebih sistematik oleh Francis Bacon (1561-1627) dalam karyanya, *Novum Organum* (Klein, 2012; Weathington, Cunningham & Pittenger, 2010:9). Malah, teknik-teknik saintifik, statistik, teknik pemikiran kritis, dan kemahiran analisis yang terdapat dalam penyelidikan pada masa kini juga diwarisi daripada penulisan dan pemikiran Bacon (Weathington, Cunningham & Pittenger, 2010:10). Bacon menegaskan bahawa penyelidikan sains tabii perlu menggunakan pendekatan induktif<sup>12</sup> iaitu suatu

<sup>11</sup> Daripada teori fizik Newton, muncul suatu falsafah penting iaitu falsafah mekanisme yang secara khusus menyatakan bahawa alam bergerak secara mekanik tanpa sebarang kehendak daripada suatu kuasa metafizik (Russell, 1992:10). Falsafah mekanisme juga mempengaruhi psikologi masyarakat dan secara halus menjauhkan lagi masyarakat Eropah daripada nilai keagamaan (Becker, 1973; Mat Rofa Ismail, 2006:190-192).

<sup>12</sup> Menurut Blaikie (2006:103), terdapat empat peringkat untuk melaksanakan penyelidikan berasaskan pendekatan induktif. Pertama, semua fakta perlu diperhatikan dan direkodkan tanpa

penelitian yang berasaskan prinsip-prinsip empirisisme<sup>13</sup> (Louay Safi, 1996:125). Menurut Howell (2013:34) serta Hergenbahn dan Henley (2013:109), prinsip-prinsip empirisisme ini yang kemudiannya menjadi asas kepada pembentukan paradigma positivisme<sup>14</sup> yang bertumpu kepada penyelidikan sains sosial.

Aliran positivisme melahirkan paradigma yang kemudiannya menjadi dominan dalam penyelidikan sains fundamental seperti sains sosial di Barat (Mat Rofa Ismail, 2014:230-231; Othman Lebar, 2014:21). Paradigma ini mula menjadi model kajian sains sosial, khususnya di Amerika Syarikat dan negara-negara lain selepas teretusnya Perang Dunia Kedua (Neuman, 2011:95 & 100). Menurut Bourdeau (2014) dan Howell (2013:40), paradigma positivisme yang diperkenalkan oleh Auguste Comte (1798-1859) melalui penulisan beliau yang bertajuk *A General View of Positivism* pada tahun 1844 mula diterima secara meluas di Barat pada separuh kedua abad ke-19. Comte berpandangan bahawa penyelidikan dalam sains sosial perlu berasaskan pengamatan empirikal yang dapat ditakul secara sebab dan akibat menggunakan perkaedahan saintifik (Howell, 2013:40; Babbie, 2013:60).

Selanjutnya pada abad ke-20 pula, perkaedahan yang mementingkan aspek teori dan aspek empirikal berasaskan pengaruh positivisme ini diteruskan pengajarannya

---

sebarang pemilihan atau tekaan berdasarkan kepentingannya. Kedua, fakta-fakta ini dianalisis, dibandingkan dan dikelaskan tanpa menggunakan hipotesis. Ketiga, pengitlakan dibuat berdasarkan hubungan antara fakta hasil daripada analisis tersebut. Keempat, pengitlakan ini diteruskan untuk pengujian lanjut.

<sup>13</sup> Empirisisme merupakan suatu aliran epistemologi yang menekankan kepentingan pengalaman dalam memperoleh ilmu pengetahuan. Menurut Robinson, empirisisme sangat menekankan pembuktian oleh deria sebagai alat mendapatkan data primer bagi semua jenis bidang pengetahuan (Hergenbahn & Henley, 2013:123).

<sup>14</sup> Positivisme ialah paradigma penyelidikan yang mengandaikan bahawa hakikat atau realiti objektif wujud di alam fizikal. Paradigma penyelidikan ini meletakkan tugas kepada para pengkaji sains tabii dan sains sosial untuk meneroka hakikat ini dengan mengumpul bukti-bukti empirikal iaitu fakta yang boleh ditahkikkan melalui pancaindera (Macionis, 2003:28).

dalam falsafah sains melalui paradigma positivisme logik (*logical positivism*) dengan tiga andaian utama. Pertama, eksperimen menjadi asas kepada pengetahuan. Kedua, susunan logik perlu diterokai dalam realiti fizikal dan sama sekali tidak melibatkan spekulasi metafizik. Ketiga, pembentukan teori dapat diaruhkan secara langsung daripada eksperimen (Betz, 2011:39-40 & 32-33). Salah seorang tokoh positivisme dalam bidang sosiologi ialah Émile Durkheim (1859-1917). Beliau mementingkan kaedah eksperimen bagi menjelaskan fenomena sosial dengan pengitlakan hukum sosial (*social laws*). Hal ini diambil daripada kaedah cerapan sains fizik yang kemudiannya menerbitkan hukum fizik (*physical laws*) (Bailey, 1982:5). Oleh itu, Berg dan Lune (2012:15) menyimpulkan bahawa positivisme pada hakikatnya menggunakan kaedah empirikal yang dipinjam daripada sains tabii bagi meneliti fenomena sosial.

Menurut Platt (1996:67-68), usaha untuk menyamakan penyelidikan sains sosial dengan penyelidikan sains tabii sememangnya disokong oleh tokoh-tokoh yang fanatik dengan sains atau digelar golongan saintisme<sup>15</sup>. Bersama-sama dengan semangat sains, tema-tema seperti objektiviti, kebolehcerapan (*observability*), *operationalism*, *behaviourism*, bebas nilai, pengukuran (*measurement*), dan pengkuantitian (*quantification*) sentiasa dihubungkan dalam perbincangan paradigma positivisme. Perbincangan ini secara tidak langsung mempengaruhi sistem nilai dalam perkaedahan saintifik (Kim, 2012).

---

<sup>15</sup> Saintisme merupakan suatu fahaman yang terlalu meletakkan kaedah yang sistematik, logik dan bersifat objektif melebihi setiap sesuatu dan menolak perkara-perkara yang tidak dapat dibuktikan dalam alam empirikal (Mohd. Yusof Othman, 2009a:84). Salah satu misalnya ialah fahaman Darwinisme sosial yang menegaskan bahawa wujudnya pemilihan tabii (*natural selection*) dan kemandirian hidup (*survival*) berlandaskan fahaman yang paling kuat akan terus hidup (Abdul Latif Samian & Khairul Anwar Mastor, 2003:76).

Walau bagaimanapun, paradigma positivisme yang mendominasi penyelidikan sains sosial ketika separuh pertama abad ke-20 mula dicabar oleh paradigma pasca-positivisme<sup>16</sup> (*postpositivism*) semasa separuh kedua abad tersebut (Naoparast, 2009:8). Paradigma ini turut dirujuk sebagai paradigma rasionalisme kritikal (Reevany Bustami, Eleesya Nasruddin & Blaikie, 2006:53; Lincoln & Guba, 2011:165). Antara pelopornya ialah Karl Popper (1902-1994) yang menzahirkan paradigma tersebut menerusi karyanya, *The Logic of Scientific Discovery* (Blaikie, 2000:104). Oleh sebab paradigma pasca-positivisme merupakan suatu penentangan terhadap kelemahan paradigma positivisme, terdapat perbezaan konsepsi yang dipamerkan.

Salah satu teori paradigma pasca-positivisme penting yang membezakannya dengan paradigma positivisme ialah pemalsuan (*falsifiability*). Menurut Popper (1992:57), pemerhatian melalui deria semata-mata yang menjadi andaian utama positivisme pada hakikatnya bukan sesuatu yang sejagat dalam penyelidikan saintifik. Andaian tersebut merupakan sesuatu perkara yang mustahil kerana prasangka akan wujud bersama-sama dengan pemerhatian. Oleh yang demikian, teori yang dibina secara induktif daripada data yang dikutip tidak boleh dipercayai sepenuhnya (Blaikie, 2006:104-105). Berdasarkan premis inilah paradigma pasca-positivisme mengemukakan pandangan bahawa hukum sains (*scientific law*) boleh diwujudkan melalui hipotesis yang tidak dapat dipalsukan (Lincoln & Guba, 2011:166). Namun begitu, Popper (1992:24 & 26) meletakkan syarat bahawa sebarang pernyataan saintifik tidak boleh dijustifikasikan dengan kehendak peribadi. Syarat ini bertujuan

---

<sup>16</sup> Idea paradigma pasca-positivisme disumbangkan melalui perbincangan William Whewell dan Karl Popper. Ia berhubung rapat dengan paradigma rasionalisme kritikal. Menurut Reevany Bustami, Eleesya Nasruddin dan Blaikie (2006:53), paradigma ini tidak membezakan pencerapan fakta dengan teori kerana setiap pencerapan yang dilakukan dianggap bergantung kepada sesuatu teori dan berada dalam suatu *horizon of expectation* (ufuk jangkaan).

mencapai objektiviti dalam penyelidikan. Oleh itu, setiap pernyataan saintifik perlu diuji terlebih dahulu sebelum ia diterima.

Selain itu, terdapat satu lagi paradigma penyelidikan di Barat yang bertentangan dengan paradigma positivisme dan juga pasca-positivisme. Paradigma penyelidikan ini dikenali sebagai paradigma interpretivisme<sup>17</sup> (Rubin & Babbie, 2011:50; Blaikie, 2006:114). Paradigma ini dibina agar terdapatnya suatu perkaedahan penyelidikan yang lebih baik untuk mengkaji bidang sains sosial. Hal ini kerana wujudnya perbezaan antara alam kemasyarakatan dengan alam tabii (Reevany Bustami, Eleesya Nasruddin & Blaikie, 2006:110). Menurut Creswell (2009:8), paradigma ini sering dihubungkan dengan paradigma konstruktivisme sosial<sup>18</sup> (*social constructivism*) yang mementingkan pentafsiran makna subjektif terhadap pengalaman manusia (pelaku sosial). Kajian terhadap pelaku sosial dan alam sosial tidak dapat dirungkai realiti sebenarnya jika ia sekadar dikaji pada zahirnya. Justeru, paradigma interpretivisme cuba memahami motif atau niat yang memberi kesan kepada tingkah laku manusia (Blaikie, 2006:115).

Dalam perkataan lain, paradigma interpretivisme berusaha memahami secara empati perasaan pelaku sosial dan alasan-alasan di sebalik kelakuan mereka (Rubin & Babbie, 2011:50). Menurut Saunders, Lewis dan Thornhill (2009:116), warisan

---

<sup>17</sup> Menurut Rubin dan Babbie (2011:50) serta Neuman (2011:101), interpretivisme mengkehendaki para pengkajinya tidak menumpukan pengasingan dan pengukuran sebab-sebab secara objektif atau membina pengitlakan fakta-fakta yang dicerap. Paradigma ini menekankan pada tindakan sosial yang mempunyai makna, makna-makna yang dibina secara sosial dan kenisbian nilai.

<sup>18</sup> Konstruktivisme sosial merupakan paradigma yang saling berkait dengan paradigma interpretivisme yang memerlukan pengkaji membangunkan makna-makna subjektif daripada pengalaman mereka mengenai sesuatu objek atau perkara. Makna-makna ini dipelbagaikan dan digandakan, selanjutnya membawa pengkaji meneroka pandangan yang kompleks berbanding menyempitkannya kepada beberapa idea dan kategori (Creswell, 2009:8). Paradigma ini juga melihat ilmu pengetahuan dan kebenaran sebagai perkara yang dicipta dalam pemikiran pengkaji melalui interaksinya dengan masyarakat (Andrews, 2012).

pembinaan paradigma interpretivisme ini muncul daripada dua tradisi intelektual iaitu fenomenologi<sup>19</sup> dan *symbolic interactionism*<sup>20</sup>. Dari satu sudut, kedua-dua tradisi ini memenuhi matlamat penyelidikan interpretivisme yang bergantung kepada pandangan pelaku sosial dalam sesuatu situasi atau fenomena yang dikaji (Creswell, 2009:8). Pendekatan yang digunakan untuk mentafsir motif pelaku sosial adalah melalui alat analisis hermeneutik yang berasal daripada kaedah para ahli teologi Kristian mentafsirkan Kitab Bible (Neuman, 2011:101; Ezzy, 2002:24; Bhattacharjee, 2012:117). Justeru, interpretivisme meneliti secara lebih mendalam pada perkara yang diabaikan oleh positivisme dan pasca-positivisme iaitu niat atau motif, makna dan tafsiran yang memandu tindakan pelaku sosial (Blaikie, 2006:115).

Senada dengan paradigma interpretivisme yang membezakan alam kemasyarakatan dengan alam tabii, paradigma realisme saintifik pula tidak menekankan secara khusus aspek kaedah yang digunakan. Namun, pelopor paradigma ini iaitu Roy Bhaskar (1944-2014) menjelaskan bahawa aspek yang lebih penting ialah kaedah-kaedah yang digunakan berlandaskan prinsip utama realisme saintifik. Prinsip tersebut ialah kewujudan tiga medan realiti dalam penyelidikan. Pertama, medan empirikal (*domain of empirical*); kedua, medan aktual (*domain of actual*); dan ketiga, medan hakiki (*domain of real*). Ketiga-tiga medan ini memungkinkan perkara yang dapat dilihat dan tidak dapat dilihat diambil kira bagi menerangkan mekanisme penyebab (Reevany Bustami, Eleesya Nasruddin dan Blaikie, 2006:75-80). Walau bagaimanapun, menurut McNeill dan Chapman (2005:180), perbincangan perkara

---

<sup>19</sup> Fenomenologi (*phenomenology*) merujuk kepada cara manusia memahami dunia di sekelilingnya (Saunders, Lewis & Thornhill, 2007:116).

<sup>20</sup> *Symbolic interactionism* merujuk kepada seseorang yang berada dalam suatu proses berterusan mentafsir dunia sosial di sekelilingnya. Pentafsiran tindakan orang lain yang berinteraksi dengannya akan membawa perubahan makna dan tindakan dirinya (Saunders, Lewis & Thornhill, 2007:116).

yang tidak dapat dilihat dalam paradigma tersebut hanya menjelaskan fenomena yang tidak dapat diukur tetapi dapat dilihat kesannya. Misalnya, pergeseran plat tektonik di dalam bumi memberi kesan kepada fenomena gempa bumi.

Secara keseluruhannya, Cohen, Manion dan Morrison (2007:20) menyatakan terdapat sebelas ciri yang membezakan antara paradigma positivisme dengan paradigma interpretivisme dan beberapa paradigma berpendekatan kualitatif yang lain. Pertama, pengiktirafan terhadap kreativiti masyarakat yang menghasilkan makna tertentu daripada tindakan mereka; kedua, penerimaan bahawa masyarakat giat membina dunia sosial mereka; ketiga, pemahaman bahawa situasi masyarakat sentiasa berubah dan dipengaruhi konteks tertentu; keempat, pemahaman bahawa manusia dan peristiwa ialah unik dan tidak dapat diitlakkan; dan kelima, pemahaman bahawa dunia sosial dikaji dalam keadaan tabiinya tanpa campur tangan pengkaji.

Ciri yang keenam ialah pemahaman perlunya kesetiaan dan ketelitian terhadap fenomena yang dikaji; ketujuh, pengiktirafan bahawa masyarakat mentafsir peristiwa dan tindakannya berasaskan tafsiran tersebut; kelapan, pemahaman bahawa sesuatu peristiwa mempunyai kepelbagaian tafsiran; kesembilan, pengiktirafan terhadap kerumitan realiti sosial; kesepuluh, pemahaman bahawa sesuatu situasi tidak boleh ditafsirkan secara mudah; dan kesebelas, pemahaman bahawa perlunya pengkaji menyelidik berdasarkan perspektif masyarakat, bukan dari sudut pandanganya (Cohen, Manion & Morrison, 2007:21). Secara kesimpulannya, Bailey (1982:29) menjelaskan perbezaan yang wujud dalam paradigma-paradigma penyelidikan ini adalah disebabkan oleh sistem kepercayaan dan pandangan nilai masing-masing.

### 1.2.3 Perbahasan Konsep Bebas Nilai dalam Penyelidikan Saintifik

Walaupun terdapat kepelbagaian paradigma dalam penyelidikan, namun kesemua paradigma ini bersetuju bahawa objektiviti<sup>21</sup> merupakan suatu matlamat penting sewaktu menjalankan penyelidikan (Michael, 2002:4; Rubin & Babbie, 2011:71; Hughes, 1990:136; Howell, 2013:53; Myrdal, 1969:3). Menurut Rubin dan Babbie (2011:12), objektiviti menjadi tujuan perkaedahan saintifik kerana kecenderungan dalaman pengkaji dapat membantutkan dirinya daripada mencari atau menerima bukti yang tidak berat sebelah (*bias*). Secara khususnya, Bierstedt (1957:17)<sup>22</sup> menjelaskan maksud objektiviti melalui petikan berikut:

*“Objectivity means that the conclusions arrived as the result of inquiry and investigations are independent of the race, color, creed, occupation, nationality, religion, moral preferences, and political predispositions of the investigator. If his research is truly objective, it is independent of any subjective elements; any personal desires that he may have.”*

Terjemahan: “Objektiviti bermaksud kesimpulan yang dibina sebagai hasil daripada pencarian dan pengkajian yang bebas daripada kecenderungan pengkaji terhadap mana-mana kaum (bangsa), warna kulit, kepercayaan, pekerjaan, kewarganegaraan, agama, keutamaan moral, dan politik. Sekiranya penyelidikan beliau adalah benar-benar objektif, ia semestinya bebas daripada unsur-unsur subjektif dan keinginan peribadi yang ada pada dirinya.”

Berdasarkan takrifan ini, para pengkaji khususnya yang berpandukan paradigma positivisme perlu menerima pakai penyelidikan yang berkonsepkan bebas nilai (*value-free*) bagi mencapai objektiviti (Neuman, 2011:99; Saunders, Lewis &

---

<sup>21</sup> Menurut penelitian Mulaik (2004), konsep objektiviti dari perspektif Barat telah melalui perbahasan yang panjang dalam kalangan ahli falsafah dan ahli mantik British. Ia bermula dengan rasionalisme Rene Descartes, seterusnya disambung oleh empirisisme John Locke, George Berkeley, David Hume (kemuncak empirisisme logik) dan akhirnya diperhalusi oleh Immanuel Kant yang merumuskan konsep moden objektiviti.

<sup>22</sup> Dipetik daripada Bailey (1982:27).

Thornhill, 2009:114). Menurut Louay Safi (1996:150), konsep ini ditekankan oleh Durkheim yang mengemukakan pandangan bebas nilainya dalam dua daripada tiga panduan utama kajian fenomena sosial.<sup>23</sup> Pertama, seseorang pengkaji perlu menyetepikan seluruh pandangan yang mempunyai asas yang tidak empirikal. Kedua, seseorang pengkaji perlu menyetepikan manifestasi nilai peribadi dalam setiap data yang dikumpalnya bagi mengekalkan objektiviti.

Oleh itu, secara ringkasnya, bebas nilai dalam tafsiran paradigma positivisme membawa maksud pengetahuan saintifik perlulah bersifat objektif, tidak terikat atau tidak berat sebelah dengan apa-apa nilai keagamaan, nilai politik, pandangan peribadi, dan juga sikap prejudis (Neuman, 2011:99). Sekiranya diteliti dari sudut etimologi, istilah ini berasal daripada terminologi bahasa Jerman iaitu *Wertfreiheit*. Dalam bahasa Inggeris, *Wertfreiheit* turut diterjemah sebagai *value-freedom*, *ethical neutrality* atau *value-neutrality* (Crespo, 1997:33).

Istilah bebas nilai ini mula dipopularkan oleh Max Weber (1824-1920) yang merupakan seorang ahli sosiologi Jerman (Carrier, 2013:2548; Crespo, 1997:33). Walau bagaimanapun, sebagai salah seorang tokoh pelopor paradigma interpretivisme, beliau berbeza pandangan dengan paradigma positivisme, khususnya pandangan berkaitan penyamaan sepenuhnya penyelidikan sains sosial dengan penyelidikan sains tabii (Neuman, 2011:101). Weber menjadikan konsep bebas nilai sebagai pemisah pengetahuan saintifik daripada nilai-nilai sosial dan politik, manakala paradigma positivisme menerapkan konsep bebas nilai sebagai satu cara untuk membentuk masyarakat yang saintifik (Keat, 1981:25). Weber juga

---

<sup>23</sup> Satu lagi panduan utama (*principal rule*) Durkheim dalam kajian fenomena sosial ialah subjek kajian saintifik perlulah terdiri daripada fenomena-fenomena yang boleh ditakrifkan dan boleh dilihat sahaja (Louay Safi, 1996:150).

berpendapat bahawa bidang sains sosial perlu dibataskan daripada nilai-nilai peribadi seseorang pengkaji sekiranya bidang ini mahu memberikan sumbangan yang signifikan kepada masyarakat (Babbie, 2013:46).

Penyelidikan dalam bidang sains tabii yang dikatakan bersifat bebas nilai dapat memberikan fakta empirikal yang tepat (Betz, 2011:192). Menurut Ringer (1997), Weber menyarankan pengkaji sains sosial membuat perbezaan yang jelas antara penyelidikan sains sosial yang objektif dengan pertimbangan nilai subjektif pengkaji. Implikasinya, perbezaan tersebut menghasilkan penelitian yang bebas daripada nilai-nilai yang membentuk perilaku pengkaji (Sumner, 2006:318).

#### **1.2.4 Perkaitan Konsep Nilai dalam Penyelidikan dengan Aksiologi**

Sungguhpun begitu, konsep bebas nilai turut mengalami fasa kritiknya. Menurut Betz (2013:208), terdapat dua jenis kritikan yang dilakukan terhadap konsep ini. Pertama, kritikan semantik (*semantic critique*)<sup>24</sup>; dan kedua, kritikan perkaedahan (*methodological critique*)<sup>25</sup>. Kritikan tersebut disusuli pula dengan kemunculan konsep-konsep nilai seperti konsep sarat nilai (*value laden*) dan konsep keterlibatan nilai (*value bound*) yang menjadi perspektif nilai lain dalam paradigma-paradigma penyelidikan (Saunders, Lewis & Thornhill, 2009:119; Wilcock, 2002:194-195).

---

<sup>24</sup> Kritikan semantik mendakwa bahawa perkaitan antara nilai subjektif dengan fakta tidak dapat dipisahkan kerana kedua-duanya mempunyai signifikannya yang tersendiri. Oleh sebab itu, konsep bebas nilai dalam penyelidikan dianggap mustahil oleh pendukung kritikan ini (Betz, 2013:208). Weber (1949) telah menjangkakan bahawa kritikan seperti ini akan berlaku pada waktu selepas beliau.

<sup>25</sup> Kritikan perkaedahan mendakwa bahawa pengkaji perlu membuat keputusan perkaedahan yang tertakluk kepada nilai subjektif (Betz, 2013:209). Kritikan ini bermula dengan makalah Rudner (1953) yang mencetuskan perdebatan pada tahun 1950-an dan kebanyakan ahli falsafah sains pada masa kini seolah-olah menyokong kritikan perkaedahan ini (Betz, 2013:208).

Menurut Shaharir Mohamad Zain (2012:28), konsep sarat nilai adalah bertentangan dengan konsep bebas nilai.<sup>26</sup> Konsep tersebut mengiktiraf pemikiran dan pengalaman budaya seseorang pengkaji yang memberi kesan kepada penyelidikannya. Menurut Bahm (1971:393), objektiviti dalam penyelidikan tidak dapat dicapai tanpa sebarang aktiviti oleh subjek atau pengkaji. Oleh itu, beliau berpendapat bahawa keinginan untuk mencapai objektiviti dalam penyelidikan adalah mustahil berlaku tanpa wujudnya subjektiviti. Begitu juga dengan konsep keterlibatan nilai yang meletakkan pengkaji sebagai sebahagian daripada aktiviti penyelidikan yang tidak boleh dipisahkan dan bersifat subjektif (Saunders, Lewis & Thornhill, 2009:119).

Sebenarnya, konsep-konsep nilai yang wujud ini merupakan sebahagian daripada perbincangan aksiologi (teori nilai) dalam falsafah. Secara umumnya, aksiologi adalah salah satu daripada tiga komponen perbincangan falsafah yang penting dan saling berhubung iaitu epistemologi (teori pengetahuan) dan ontologi<sup>27</sup> (teori kewujudan) (Mohammad Adib, 2010; Bahm, 1993:3-4; Caws, 1965:13)<sup>28</sup>. Secara khususnya, teori nilai dikaitkan dengan pengkelasan dan pengukuran perkara-perkara yang baik atau yang sebaliknya (Schroeder, 2012).

Menurut Heron dan Reason (1997:286) serta Weinberg (1970:612), pengabaian terhadap komponen aksiologi sering berlaku dalam perbincangan falsafah


---

<sup>26</sup> Dalam peristilahan bahasa Inggeris, sarat nilai turut dikenali sebagai *value laden*, *subjectivity* (Gonzalez, 2013:1503), *value saturated* (Bahm, 1971:391), dan *value conscious* (Eberlein & Obermeier, 1988:107).

<sup>27</sup> Ontologi berkisar tentang persoalan ruang lingkup pengetahuan, sama ada terbatas pada alam fizikal (*'alam al-syahadat*) atau meliputi alam metafizik (*'alam al-ghayb*) (Abdul Rahman Abdullah, 2005:19). Mukhtar Latif (2014:187) memperincikan tujuh ciri ontologi. Pertama, wujud (*being*); kedua, hakikat (*reality*); ketiga, kewujudan (*existence*); keempat, intipati (*essence*); kelima, bahan (*substance*); keenam, perubahan (*change*); dan ketujuh, ketunggalan (*one*) dan kepelbagaian (*many*).

<sup>28</sup> Terdapat satu lagi komponen yang diasingkan oleh sebahagian penulis iaitu logik (teori pentaabiran/inferens). Namun begitu, logik sering juga diletakkan di bawah komponen epistemologi.

penyelidikan. Oleh itu, secara implisitnya, Muhammad Bāqir aṣ-Ṣadr, (2009:33) berpendapat bahawa falsafah penyelidikan yang jelas dapat menghasilkan suatu sistem berfikir yang baik dengan merangkumkan perbincangan teori pengetahuan (epistemologi) bersama-sama dengan kaedah berfikir dan nilai pengetahuan (aksiologi ilmu). Secara ringkasnya, Rajah 1.2 menunjukkan perkaitan konsep nilai dalam penyelidikan dengan perbincangan aksiologi.



**Rajah 1.2: Perkaitan Konsep Nilai dalam Penyelidikan dengan Perbincangan Aksiologi<sup>29</sup>**

Dalam melaksanakan suatu penyelidikan berteraskan Islam, pertimbangan berasaskan nilai-nilai Islam perlu diberi perhatian oleh para penyelidik. Muhammad Syukri Salleh (2008:135) menyatakan bahawa asas kepada perkaedahan penyelidikan

<sup>29</sup> Penjelasan mengenai posisi komponen falsafah penyelidikan dan kaedah penyelidikan di bawah perkaedahan penyelidikan boleh dirujuk dalam subtopik 1.6.4.

berteraskan Islam iaitu satu perkaedahan penyelidikan untuk menyelidiki perkara berkaitan Islam dan Muslim ialah tasawur Islam. Konsep nilainya perlu diperhalusi untuk menghasilkan suatu penyelidikan yang baik sebagaimana yang ditegaskan oleh Muḥammad Bāqir aṣ-Ṣadr (2009). Peranan ini dimainkan oleh aksiologi Islam.

Menurut Ghazali Basri (2010:20), aksiologi Islam mempunyai hubungan yang mantap dan kukuh dengan sumber wahyu dan tradisi Islam. Pandangan ini selari dengan pandangan Abdul Rahman Abdullah (2005:96) yang menyatakan bahawa aksiologi ilmu Islam mempunyai prinsip yang tersendiri. Justeru, pembinaan perkaedahan penyelidikan berteraskan Islam yang masih berada pada peringkat awal tidak seharusnya mengabaikan aspek aksiologi (Muhammad Syukri Salleh, 2011).

### 1.3 PERNYATAAN MASALAH KAJIAN

Berdasarkan perbincangan dalam Latar Belakang Kajian, falsafah penyelidikan masa kini banyak dipengaruhi oleh paradigma atau tasawur penyelidikan yang diperdebatkan oleh para sarjana Barat (Muhammad Mumtaz Ali, 2008). Dari sudut historiografinya, pemantapan bidang ilmu falsafah dalam tamadun Yunani melalui pengenalan kaedah silogisme oleh Aristotle merupakan permulaan bagi sejarah penyelidikan di Barat (Abdul Rahman Abdullah, 2010:62). Menurut Russell (1946:182), kaedah Aristotle ini tidak pernah dikritik dan bertahan selama beberapa abad. Enam abad selepas zaman Aristotle, agama Kristian mula bertapak di Rom. Sehubungan itu, ahli teologi skolastik seperti Thomas Aquinas (1225-1274) berusaha menyesuaikan falsafah pemikiran Aristotle (*reason*) dalam ajaran Kristian (*faith*) (Hergenhahn & Henley, 2013:94).

Penyesuaian tersebut menyebabkan sifat dogmatik yang dibawa oleh para agamawan Kristian mendominasi pemikiran dan sistem politik masyarakat Barat sehingga berlakunya kemunduran ilmu pengetahuan (Kiernan, 2001:34-37; Hergenahn & Henley, 2013:124). Walau bagaimanapun, kemunculan fahaman humanisme menyebabkan para ilmuwan di Barat berani mengemukakan hasil penyelidikan mereka yang menggugat kewibawaan pihak gereja untuk memastikan perubahan dan kemajuan kembali semula dalam kalangan masyarakat Barat (Abdul Latif Samian & Khairul Anwar Mastor, 2003:79-80). Akhirnya, berlaku sekularisasi atau pemisahan ilmu daripada dominasi agamawan Kristian (Abdul Rahman Abdullah, 2010:117).

Sebahagian kesan sekularisasi ilmu ini ialah perkaedahan penyelidikan bercirikan kaedah induktif yang disusun oleh Bacon (1902). Kaedah ini merupakan sebahagian kritikan beliau terhadap kaedah silogisme Aristotle. Kaedah ini kemudiannya dikembangkan lagi oleh John Stuart Mills (1806-1873) (Louay Safi, 1996). Dengan dasar kaedah yang mementingkan aspek empirikal sahaja, aliran falsafah empirisisme mengambil tempat dalam penyelidikan sains sosial melalui penulisan Comte yang memperkenalkan paradigma positivisme (Howell, 2013:40). Perkara ini menimbulkan satu persoalan. Sekiranya penyelidikan menurut paradigma positivisme hanya dibataskan kepada aspek empirikal semata-mata, bagaimanakah pula penyelidikan sosial dapat dilakukan terhadap aspek yang tidak dapat dilihat atau aspek metafizik sebagaimana yang difahami dalam pandangan agama?

Walaupun bagaimanapun, paradigma positivisme masih menjadi suatu paradigma yang dominan dalam penyelidikan masa kini atau dikenali sebagai penyelidikan saintifik

(Mohd Zuhdi Marsuki, 2000:278; Abdullah Hassan, 2012:xi<sup>30</sup>). Ia menentang suatu konsep nilai yang perlu bebas daripada nilai seperti keagamaan, perkauman, ideologi politik, dan nilai moral. Konsep yang disebut sebagai konsep bebas nilai ini berfungsi untuk mencapai objektiviti dalam penyelidikan saintifik (Bierstedt, 1957:17; Rubin & Babbie, 2011:12; Lincoln & Guba, 1985:300). Persoalannya, bagaimanakah penyelidikan berkaitan Islam dapat dijalankan oleh para pengkaji Muslim sekiranya nilai-nilai keagamaan perlu diketepikan, sedangkan para pengkaji Muslim tidak dapat membebaskan diri daripada nilai-nilai Islam? Jika begini keadaannya, adakah nilai keagamaan akan menjejaskan objektiviti fakta yang diperoleh oleh seseorang pengkaji Muslim? Adakah penyelidikan berkaitan Islam tidak menolak nilai seperti perkauman, partisan dan nilai yang tidak baik?

Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, perkaedahan penyelidikan berteraskan Islam yang berada dalam peringkat pembinaannya adalah beracuankan tasawur Islam. Ia perlu dibina berasaskan epistemologi, ontologi dan aksiologi Islam bagi mengkaji perkara berkaitan Islam dan masyarakat Muslim (Muhammad Syukri Salleh, 2008:135). Perkara ini selaras dengan pernyataan Bailey (1982:25) bahawa perbezaan satu-satu paradigma penyelidikan dapat diukur dengan andaian dan aksiologinya. Menurut Muhammad Syukri Salleh (2011:8):

“... usaha membina kaedah penyelidikan berteraskan Islam perlu ditangani dengan lebih serius dan terancang... Peringkat pertama harus menumpukan penelitian kritis dan mendalam dari perspektif Islam terhadap... aspek utama kaedah penyelidikan lazim, iaitu aspek-aspek tasawur (*world view*), ...”

---

<sup>30</sup> Abdullah Hassan (2012:xi) menjelaskan dengan kata-kata berikut: “Tegasnya, falsafah dominan sains Barat kini masihlah positifisme dan pemalsuanisme yang kedua-duanya menolak unsur kerohanian, keagamaan dan kemetafizikan sebagai unsur sains.”

Salah satu aspek tasawur dalam perkaedahan penyelidikan adalah aspek aksiologi dan isu yang berkait dengan perkaedahan saintifik ialah isu konsep bebas nilai (Muhammad Syukri Salleh, 2008:138; Asad Zaman, 2014:6). Menurut Betz (2013:208) dan Douglas (2009:182), pelbagai kritikan telah ditimbulkan oleh para sarjana Barat mengenai konsep bebas nilai. Konsep ini telah mengalami suatu perbahasan panjang yang merangkumi sokongan dan kritiknya. Di sini timbul satu persoalan iaitu mengapakah terdapatnya sokongan dan kritikan terhadap konsep ini? Sekiranya perkaedahan saintifik membahaskan konsep bebas nilai ini, timbul pula persoalan, bagaimanakah kedudukan konsep nilai yang perlu ada dalam perkaedahan penyelidikan berteraskan Islam? Adakah bebas nilai tidak wujud sama sekali dalam perkaedahan penyelidikan berteraskan Islam? Jika ia wujud, setakat manakah bebas nilai yang dibolehkan dalam melaksanakan penyelidikan berteraskan Islam?

Oleh sebab konsep bebas nilai ini terletak dalam domain perbincangan aksiologi penyelidikan, maka analisis yang paling sesuai dijalankan terhadapnya adalah berdasarkan konsep aksiologi ilmu yang holistik. Menurut Haron Din (1991:4; 2008:x) dan Abdul Rahman Abdullah (2005:96), aksiologi ilmu Islam yang bersumberkan epistemologi wahyu dan bertunjangkan ontologi *rabbānī* (ketuhanan) merupakan teori nilai yang mutlak dan menyeluruh. Oleh sebab pembinaan sesebuah perkaedahan penyelidikan perlu berasaskan paradigma atau tasawurnya, maka kajian bagi mendalami perbahasan konsep bebas nilai dalam penyelidikan saintifik ini dilihat penting untuk dilakukan dari perspektif aksiologi ilmu Islam. Hal ini penting untuk merumuskan suatu konsep nilai dalam perkaedahan penyelidikan berteraskan Islam supaya aspek falsafahnya lebih konkrit dan definitif (Muhammad Syukri Salleh, 2008:135).